



## Penggunaan Hadis-Hadis *Mardūd* dalam Ceramah Peristiwa Israk dan Mikraj di Negeri Melaka

### [Use Of *Mardūd* Hadith During Israk And Mikraj Talk Sessions In Melaka]

Wahyu Hidayat Abdullah,<sup>1\*</sup> Muhammad Rozami Ramle,<sup>2</sup> & Mohamad Najib Norani<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia e-mail: [wahyu@fsk.upsi.edu.my](mailto:wahyu@fsk.upsi.edu.my), +60195723122

<sup>2</sup> Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Univeristi Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak. e-mail: [rozaimi@fsk.upsi.edu.my](mailto:rozaimi@fsk.upsi.edu.my), +60134884863

<sup>3</sup> Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia e-mail: [mnajibnorani@gmail.com](mailto:mnajibnorani@gmail.com) +60126674186

\* Corresponding Author: Dr. Wahyu Hidayat Abdullah. Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia. e-Mail: [wahyu@fsk.upsi.edu.my](mailto:wahyu@fsk.upsi.edu.my). Telp.: +60195723122. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0002-0350-6192>.

---

#### Keywords:

Israk and Mikraj; *Takhrīj al-Ḥadīth*; *al-Ḥukm ‘Alā al-Ḥadīth*; *Maqbūl*; *Mardūd*

---

#### ABSTRACT

*Israk and Mikraj are events well known to the Islamic community, which serves as a reminder to an important event related to the Prophet (PBUH). It contains secret journeys that were only told by the Prophet (PBUH) himself and authenticated through narrated ḥadīth. These secret journeys of the Prophet PBUH had attracted immense attention resulting in some false narrations regarding his journeys. This qualitative study had analysed ḥadīth by the Prophet PBUH that are classified as mardud and quoted by selected religious orators during Israk and Mikraj talk sessions in Melaka. The document analysis method was used to obtain data related to sources and position of decrees (Ḥukm al- Ḥadīth) based on the Takhrīj al-Ḥadīth and al- Ḥukm ‘Alā al- Ḥadīth methodologies. Findings show that (31) ḥadīth of the Prophet PBUH were found to have been quoted during twelve (12) Israk and Mikraj talk sessions. Overall, it was found that 48% of the ḥadīth quoted during these sessions can be labelled as maqbūl, while 33% of the ḥadīth can be labelled at mardud. In addition, the source of 19% of the ḥadīth could not be ascertained. It can be concluded that various levels of ḥadīth from the decree (Ḥukm ‘Alā al-Ḥadīth) aspect were quoted during the Israk and Mikraj talk sessions based on the views of ulama who are experts in the field of ḥadīth. A variety of sources of reference is one of the criteria used when evaluating a ḥadīth that is quoted.*

---

#### Kata Kunci:

Israk dan Mikraj; *Takhrīj al-Ḥadīth*; *al-Ḥukm ‘Alā al-Ḥadīth*; *Maqbūl*; *Mardūd*;

---

#### ABSTRAK

Israk dan Mikraj merupakan peristiwa yang tidak asing lagi bagi masyarakat Islam khususnya di Malaysia sebagai mengingati peristiwa penting Rasulullah SAW. Ia mengandungi perjalanan rahsia yang hanya diberitakan oleh baginda SAW dalam hadis-hadis yang telahpun sabit. Perjalanan rahsia Rasulullah SAW ini menarik perhatian hingga tersebarnya periwiyatan yang palsu berkaitan dengan ini. Artikel ini merupakan satu kajian analisis penggunaan

---

hadis-hadis Rasulullah SAW yang diklasifikasi sebagai *mardūd* yang digunakan oleh tenaga pengajar terpilih dalam sesi ceramah Israk dan Mikraj di negeri Melaka. Pendekatan metode kualitatif melalui kaedah analisis dokumentasi digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan sumber dan kedudukan hukum hadis berdasarkan metodologi *Takhrīj al-Ḥadīth* dan *al-Ḥukm ‘Alā al-Ḥadīth*. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak (31) hadis Rasulullah SAW dikenalpasti digunakan dalam dua belas (12) sesi ceramah Israk dan Mikraj. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan terdapat sebanyak 48% yang digunakan dalam ceramah Israk dan Mikraj bertaraf *maqbul*. Manakala 33% buah hadis dinilai sebagai *mardud*. Kajian turut mendapati 19% hadis masih tidak dikenalpasti sumber. Kesimpulan daripada kajian ini, terdapat pelbagai kedudukan hadis dari aspek hukum telah digunakan dalam ceramah Israk dan Mikraj berdasarkan pandangan besar ulama hadis. Kepelbagaian sumber rujukan merupakan salah satu kriteria dalam nilai sesebuah hadis yang digunakan.

---

Received: November 15, 2021

Accepted: March 15, 2022

Online Published: June 30, 2022

## 1. Pendahuluan

Sejarah perkembangan Islam di tanah air merakamkan Melaka merupakan kota yang terawal memartabatkan Islam sebagai agama rasmi. Pengislaman sultan Melaka yang pertama iaitu Parameswara yang turut dikenali sebagai Megat Iskandar Syah pada 1414 Masihi menyaksikan sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu bermula. Pengislaman baginda turut diikuti oleh para pembesar kerajaan dan rakyat jelata. Bagi memantapkan kefahaman tentang Islam, sultan Melaka mengambil langkah serius mempelajari Islam daripada para ulama dan pendakwah yang datang berdakwah ke Melaka (Mohd, 2008). Sejarah pemeritahan negeri Melaka juga menyaksikan lahirnya pemerintah-pemerintah yang memertabatkan agama Islam. Para pemerintah Melaka menggalakkan rakyat jelata supaya memberikan perhatian terhadap amalan agama disamping penglibatan para pemerintah sendiri dalam hal tersebut. Sebagai contoh perkara ini dapat dilihat dalam tindakan Sultan Muhammad Syah yang memerintah 1424M hingga 1444M apabila menyambut kedatangan bulan Ramadhan, baginda memuliakan bulan tersebut terutama pada malam dua puluh tujuh (27) Likur disamping menunaikan sembahyang sunat Terawih di masjid bersama-sama rakyat (Abdullah, 1995). Oleh kerana para pemerintah, pembesar negeri dan rakyat jelata yang sama-sama melibatkan diri dalam mengembangkan agama dan ilmu pengetahuan Islam di Melaka pada waktu itu. Terdapat berbagai-bagai institusi pengajian sama ada rumah, masjid, surau atau istana dijadikan sebagai pusat dakwah dan aktiviti keilmuan (Adam, 1991). Antara mata pelajaran yang diwujudkan pada waktu itu kelas-kelas pengajian al-Quran. Ia merupakan pelajaran utama kepada semua lapisan masyarakat ketika itu walaupun tidak dilakukan secara formal. Pada waktu itu juga diperkenalkan huruf jawi bagi memudahkan penduduk tempatan mempelajari huruf-huruf Arab yang menjadi tunjang kepada pembacaan al-Quran. Huruf jawi adalah berindukkan huruf Arab campuran Parsi yang turut mengikat satu perpaduan bahasa meliputi seluruh golongan bangsa Melayu (Adam, 1991). Di sinilah bermulanya aktiviti kuliah-kuliah agama dan perkembangan ilmu-ilmu Islam. Hingga kini di negeri Melaka, memiliki 194 buah masjid dalam tiga daerah yang terdiri daripada beberapa kategori yang unik yang dimiliki oleh negeri-negeri lain dalam negara. Sebanyak empat kategori masjid dikenalpasti iaitu masjid kerajaan, masjid institusi, masjid warisan dan masjid kariah. Menurut Norani dan Abdullah (2020) usaha yang berterusan akan khususnya Jabatan Agama Islam Melaka dalam memperkasakan aktiviti keagamaan di masjid-masjid di seluruh negeri Melaka telah memantapkan perjalanan aktiviti dakwah secara tidak langsung telah menyumbang ke arah pembentukan generasi Islam yang mempunyai jati diri dan ketahanan dalam menghadapi cabaran.

*Mardud* merupakan kumpulan hadis yang ditolak dengan sebab-sebab tertentu berbeza dengan hadis sahih dan hasan yang tergolong dalam kelompok yang diterima iaitu *maqbul* (Shamsudin & Mat Akhir, 2018). Ia mengandungi hadis yang bertaraf daif, *munkar*, *matruk*, palsu dan sebagainya Walaupun para ulama hadis telah menetapkan beberapa manhaj atau metode khusus dalam penerimaan sesebuah hadis yang disandarkan kepada Nabi SAW, namun penyebaran hadis-hadis yang palsu masih berlaku hingga ke hari ini. Beberapa faktor utama

penularan hadis palsu telahpun dikemukakan oleh ulama. Ābādī (2001) menyatakan penyebaran hadis palsu dengan kepelbagaian faktor antaranya seperti faktor permusuhan terhadap Islam, kepelbagaian fahaman politik, mazhab dalam fahaman akidah, taasub, begitu juga galakan dalam melakukan kebajikan dalam agama turut menjadi salah satu faktor penyebaran hadis palsu. Riwayat kisah-kisah yang disandarkan kepada agama terutama yang disandarkan kepada baginda SAW, para muhadithun seperti al-‘Irāqī, al-Ṣuyūṭī, Ibn Taymiyyah dan selainnya, menegaskan penyampaian kisah-kisah palsu dan dongeng turut digunakan dan disandarkan dalam kisah-kisah kenabian (Abū Ghuddah. AF, 1984). Terdapat banyak pendusta dan pereka hadis-hadis palsu dalam isu ini dikenalpasti dan direkodkan dalam karya-karya himpunan hadis-hadis palsu. Tidak dapat dinafikan, bahawa penggunaan hadis yang tidak sahih berlaku dalam penyampaian kisah-kisah keagamaan (Amin, 2011). Terdapat kajian-kajian akademik berkaitan hadis *mardūd* dan palsu telah dihasilkan dan direkod di perpustakaan universiti-universiti tempatan.

Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) pada tahun 2018, melaporkan penyebaran hadis palsu dalam kalangan penceramah selebriti yang dijemput oleh pihak masjid masih berlaku. Amin (2011), menjelaskan faktor peribadi seperti penceramah agama yang menyampaikan ceramah dalam agama merupakan salah satu faktor kuat dalam penyebaran hadis palsu. Kajian Muhammad dan Soroni (2016) berkaitan dengan pengajaran hadis di institusi masjid, mengemukakan terdapat tenaga pengajar yang tidak menjelaskan kedudukan sebenar hadis.

Beberapa perbincangan berkaitan riwayat hadis Israk dan Mikraj turut mendapat perbincangan. Sebagai contoh, menurut Mohd (2015), hadis masyhur yang diriwayat oleh Anas bin Mālik mempunyai kontradiksinya sendiri berbanding dengan riwayat-riwayat yang lain yang memerlukan kesepakatan bagi mengelakkan salah faham dalam memahami hadis. Kepelbagaian kisah dan periwayatan Israk dan Mikraj menimbulkan persoalan penggunaan hadis-hadis dalam penyampaian dalam sesi ceramah yang disampaikan. Bahkan ketiadaan penjelasan mengenai kedudukan hukum hadis berkemungkinan besar boleh menjadi salah satu faktor penggunaan hadis palsu terus berlaku. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis hadis-hadis *mardūd* yang telah dikenalpasti dalam sesi ceramah hari kebesaran Islam iaitu sambutan Israk dan Mikraj. Beberapa objektif bagi kajian ini dikemukakan seperti berikut:

- i. Mengenalpasti kategori topik hadis-hadis dalam ceramah Israk dan Mikraj yang dijalankan di institusi masjid di negeri Melaka.
- ii. Mengenalpasti hadis-hadis *mardūd* yang digunakan dalam ceramah Israk dan Mikraj yang dijalankan di institusi masjid di negeri Melaka.
- iii. Menganalisis kedudukan hadis *mardūd* yang digunakan oleh penceramah dalam sesi ceramah Israk dan Mikraj di institusi masjid di negeri Melaka.

Oleh yang demikian, kedudukan hadis-hadis yang digunakan dalam ceramah Israk dan Mikraj di masjid dalam negara, memerlukan penilaian dari sudut penggunaan sumber dapat dikenalpasti. Kajian ini sekali gus menganalisis sumber dan status hukum bagi hadis-hadis yang digunakan.

## 2. Pendalilan Hadis Nabawi Dalam Peristiwa Israk Dan Mikraj

Al-Quran hanya menyebut secara ringkas peristiwa Israk dan Mikraj seperti dalam surah *al-Isrā’* [17] dalam ayat 1:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

Maksudnya:

“Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.

Begini juga dalam surah *al-Najm* [53] ayat 13 hingga ke 18, yang juga menyatakan secara ringkas dan padat perjalanan Israk dan Mikraj:

وَلَقَدْ رَأَى نَزْلَةَ الْخُبْرَى ﴿١﴾ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَى ﴿٢﴾ عِنْدَهَا جَنَّةُ الْمَأْوَى ﴿٣﴾ إِذْ يُغْمِضُ السِّدْرَةَ مَا يَعْنَى ﴿٤﴾ مَا زَاغَ الْبَصَرُ وَمَا طَغَى ﴿٥﴾ لَقَدْ رَأَى مِنْ آيَاتِ رَبِّهِ الْكُبْرَى ﴿٦﴾



Maksudnya:

“Dan demi sesungguhnya! (Nabi Muhammad) telah melihat (malaikat Jibril, dalam bentuk rupanya yang asal) sekali lagi, Di sisi "Sidratul-Muntaha"; Yang di sisinya terletak syurga "Jannatul-Makwa". (Nabi Muhammad melihat Jibril dalam bentuk rupanya yang asal pada kali ini ialah) semasa "Sidratul Muntaha" itu diliputi oleh makhluk-makhluk dari alam-alam ghaib, yang tidak terhingga. Penglihatan (Nabi Muhammad) tidak berkisar daripada menyaksikan dengan tepat (akan pemandangan yang indah di situ yang diizinkan melihatnya), dan tidak pula melampaui batas. Demi sesungguhnya, ia telah melihat sebahagian dari sebesar-besar tanda-tanda (yang membuktikan luasnya pemerintahan dan kekuasaan) Tuhannya”

Namun, peristiwa Israk dan Mikraj lebih terperinci telah dinyatakan oleh baginda SAW sendiri sebagai individu yang mengalami perjalanan itu sendiri. Berdasarkan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* terdapat dua subtopik berkaitan dengan peristiwa Israk dan Mikraj yang dimuatkan oleh al-Bukhārī sendiri dengan tajuk *Bāb Ḥadīth al-Isrā' wa Qawl lillāhi ta'alā* dalam *Kitāb al-Manāqib*, begitu juga dalam *Bāb Kayfa Furiḍat al-Ṣalah fī al-Isrā'* dalam *Kitāb al-Ṣalah* (al-Bukhārī, 2001). Manakala dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* hanya terdapat satu subtopik *Bāb al-Isrā' bi Rasūl lillāh Ṣallā Allāh 'Alayhi wa Sallam* dalam *Kitāb al-Imān*. Pun begitu, kisah-kisah dalam peristiwa Israk dan Mikraj baginda SAW masih boleh didapati dalam karya-karya hadis yang lain antaranya seperti *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* yang ditulis oleh Ibn Ḥibbān, *Dalā'il al-Nubuwwah* oleh al-Bayhaqī dan sebagainya. Peristiwa Israk dan Mikraj terus menjadi perbincangan menarik umat Islam hingga ke hari ini. Dengan kepelbagaian kedudukan hadis-hadis yang dijadikan sebagai dalil, penyebaran dalil yang daif dan palsu dalam kisah ini masih digunakan hingga ke hari ini (Muhammad, 2020). Justeru, Artikel ini bertujuan menganalisis hadis-hadis yang diklasifikasi sebagai *mardūd* yang telah digunakan dalam sesi ceramah Israk dan Mikraj.

### 3. Metodologi Kajian

Penggunaan kajian lapangan (*field research*) bagi mengenal pasti sampel-sampel hadis yang digunakan dan kajian perpustakaan (*library research*) bagi menganalisis teks-teks hadis yang telah direkodkan diaplikasikan dalam kajian ini. Berikut adalah maklumat limitasi, populasi sampel dan kaedah analisis datang yang digunakan dalam kajian ini.

#### 3.1. Limitasi Kajian

Kajian ini dibataskan program-program ceramah Israk dan Mikraj di negeri Melaka dengan mengaplikasikan kaedah strategi dan teknik persampelan rawak berstrata tidak mengikut kadar. Kajian ini menumpukan kepada dua belas (12) buah masjid dalam tiga daerah daripada 194 buah masjid di negeri Melaka. Semua masjid yang terpilih sebagai sampel kajian adalah dari masjid-masjid kerajaan dibawah seliaan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

#### 3.2. Populasi dan Sampel Kajian

Kaedah populasi capaian berbanding populasi sasaran digunakan dalam kajian ini, iaitu dengan menggunakan sampel daripada institusi masjid terpilih. Manakala sampel yang akan dipilih ialah 12 buah masjid yang terdiri daripada katogeri masjid kerajaan, masjid institusi, masjid warisan (yang memiliki nilai sejarah) dan masjid kariah (kampung) dalam negeri Melaka.

Sampel ialah suatu proses pemilihan objek-objek penyelidikan yang mewakili sesuatu kumpulan besar yang dipilih (Idris, 2010). Langkah ini dilaksanakan agar sesebuah kajian tidak terdedah kepada bias. Menurut Gordon (1974), pemilihan yang tidak bias bagi sebuah populasi dikenali dengan sample. Menurut Mohd (1991), persampelan merupakan satu proses di mana sebilangan kecil daripada keseluruhan populasi dipilih dan dikaji untuk membolehkan kita membuat generalisasi mengenai populasi itu. **Idid (1992)** pula menyatakan, persampelan merupakan satu usaha yang dijalankan oleh pengkaji untuk memperoleh maklumat daripada sampel yang dapat mewakili keseluruhan populasi. Kajian yang melibatkan institusi masjid-masjid di seluruh negeri Melaka yang mengadakan ceramah Israk dan Mikraj, menjadikan tenaga pengajar atau penceramah sebagai sampel yang terlibat.

Proses pemilihan masjid menggunakan strategi persampelan kebarangkalian yang mana di bawah kumpulan persampelan ini terdapat persampelan rawak berstrata tidak mengikut kadar (*disproportionate stratified random*

*sampling*). Pelaksanaan *strata* (peringkat taraf dalam susunan atau hierarki tertentu) terhadap populasi mengikut peratusan kemudiannya memilih secara rawak berdasarkan peratusan yang dikehendaki. Jenis sampel ini amat sesuai digunakan bagi kajian yang berasaskan kawasan parlimen, kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), daerah dan jenis masjid atau pemilihan sampel berasaskan beberapa kategori (Konting, 1993). Sebanyak 194 buah masjid di seluruh negeri Melaka sebagai populasi sasaran kajian. Daripada 194 buah masjid itu terdapat sebanyak 7 buah masjid kerajaan, 4 buah masjid institusi, 56 buah masjid warisan dan 127 buah masjid kariah di seluruh negeri Melaka. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan sampel yang mewakili 25% populasi itu. Berdasarkan kategori masjid yang terdapat masjid kerajaan, masjid institusi, masjid kariah dan masjid warisan.

### 3.3. Analisis Data

Setelah sampel-sampel hadis dapat direkod, proses mengenal pasti sama ada ia merupakan hadis ataupun tidak dilaksanakan. Pelaksanaan ini berdasarkan penggunaan metode *takhrīj al-ḥadīth*. Manakala metode *al-ḥukm ‘alā al-ḥadīth* turut digunakan sebagai penilaian status kedudukan sesebuah hadis. Beberapa perisian dan aplikasi online terkini, seperti *al-Maktabah al-Shāmilah* versi 3.48, *dorar.net* dan *islamqa.com* dimanfaatkan bagi mendapatkan hasil yang kedudukan hadis dan penilaian status kedudukan hadis berdasarkan *‘Ilm al-Rijāl*.

## 4. Dapatan Dan Perbincangan Kajian

Dapatan kajian ini adalah berdasarkan objektif-objektif yang dikemukakan, seperti berikut;

### 4.1. Kategori Topik Hadis-Hadis Dalam Ceramah Israk Dan Mikraj Dalam Ceramah Israk dan Mikraj

Berdasarkan analisis yang dilakukan, terdapat beberapa kategori topik hadis yang telah dikemukakan oleh para penceramah dalam peristiwa Israk dan Mikraj. Dengan pengkategorian ini, ia dapat menjelaskan lagi tumpuan para penceramah terhadap topik tumpuan yang dibawa.

**Jadual 1:** Analisis Kategori Topik Berdasarkan Peristiwa Israk Dan Mikraj

| Tajuk  | Bilangan | Peratusan |
|--|----------|-----------|
| Peristiwa Di Langit Pertama Hingga Langit Yang Ke Tujuh                | 9        | 29%       |
| Peristiwa Baginda SAW Menyaksikan Perjalanan Israk dan Mikraj Sendiri. | 7        | 24%       |
| Peristiwa Di <i>Sidrah al-Muntahā</i>                                  | 6        | 20%       |
| Pertemuan Dengan Malaikat Jibril AS                                    | 2        | 6%        |
| Peristiwa Baginda SAW Di Masjid Al-Aqsa                                | 2        | 6%        |
| Peristiwa Pensyariatan Solat   | 2        | 6%        |
| Rupa dan Bentuk Buraq  | 2        | 6%        |
| Peristiwa Nabi SAW Melihat Arasy                                       | 1        | 3%        |
| Jumlah   | 31       | 100%      |

Sampel bagi kajian ini terfokus kepada hadis yang disandarkan kepada baginda Rasulullah SAW berkaitan peristiwa Israk dan Mikraj dalam sesi ceramah di sekitar negeri Melaka. Dapat dirumuskan bahawa, peristiwa kisah-kisah yang menjadi tumpuan penceramah ialah seperti rupa dan bentuk Buraq, peristiwa baginda SAW dalam perjalanan Israk. Peristiwa baginda SAW di masjid al-Aqsa, peristiwa di langit pertama hingga langit ke tujuh, peristiwa di *Sidrah al-Muntahā*, pertemuan dengan malaikat Jibril AS, peristiwa nabi SAW melihat Arasy dan peristiwa pensyariatan ibadat solat.

Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa kisah nabi SAW di langit pertama hingga langit yang ke-tujuh yang dibawa lebih banyak ditumpukan oleh penceramah iaitu sebanyak 9 hadis (29%). Diikuti dengan peristiwa baginda SAW menyaksikan perjalanan Israk dan Mikraj sendiri sebanyak 8 hadis (24%). Peristiwa di *Sidrah al-Muntahā* adalah sebanyak 6 hadis iaitu bersamaan (20%). Manakala kisah-kisah seperti pertemuan dengan malaikat Jibril AS, rupa dan bentuk Buraq, peristiwa Baginda SAW di masjid al-Aqsa dan peristiwa pensyariatan solat berjumlah 2 hadis yang memperoleh (6%) bagi setiap peristiwa. Manakala kisah nabi SAW melihat Arasy hanya dengan satu hadis (3%).

### 4.2. Hadis-Hadis *Mardūd* Yang Digunakan Dalam Ceramah Israk Dan Mikraj Yang Dijalankan

Terdapat 31 hadis yang dikenalpasti sebagai sampel hadis dalam kajian yang dijalankan ini. Secara keseluruhannya, ia dapat dibahagikan dengan tiga kategori dari aspek kedudukan status hukum hadis. Kategori pertama dari aspek *maqbul* manakala ketogeri kedua pula dari aspek *mardud*. Kategori ketiga iaitu kategori hadis yang masih tidak dapat diketahui kedudukan asal (sumber hadis) seperti berikut;

**Jadual 2:** Analisis Pembahagian Kategori Hadis Berdasarkan Kedudukan Hadis Yang Digunakan

| Kategori Hadis      | Bilangan | Peratusan |
|---------------------|----------|-----------|
| Hadis <i>Maqbul</i> | 16       | 51.6%     |
| Hadis <i>Mardud</i> | 9        | 29%       |
| Tiada Asal          | 6        | 19.4%     |
| Jumlah              | 31       | 100%      |

Berdasarkan Jadual 2 di atas, sebanyak (31) hadis dapat dianalisis dengan metode *takhrīj al-ḥadīth* dan *al-ḥukm 'alā al-ḥadīth*. Sebanyak 51.6% dari keseluruhan iaitu 14 hadis digunakan dalam ceramah Israk dan Mikraj merupakan hadis yang bertaraf *maqbul*. Ia merangkumi hadis-hadis yang bertaraf *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan*. Sebanyak 29% daripada jumlah keseluruhan iaitu (9) hadis *mardud*, merangkumi hadis daif dan palsu. Manakala hadis yang tiada asal iaitu tiada sumber, terdapat (6) hadis bersamaan 19.4% masih digunakan dalam sesi ceramah Israk dan Mikraj.

### 4.3. Kedudukan Hadis *Mardud* Yang Digunakan Dalam Sesi Ceramah Israk Dan Mikraj

Berikut adalah teks-teks hadis yang telah dikenalpasti melalui pemerhatian kajian sebagai sampel dalam sesi ceramah Israk dan Mikraj yang dijalankan. Analisis *takhrīj al-ḥadīth* dan *al-ḥukm 'alā al-ḥadīth* secara ringkas kemukakan seperti berikut;

#### 4.3.1. Teks Hadis (1):

حَدَّثَنَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَمَّا دَنَوْتُ مِنْهُ لِأَرْكَبَهُ شَمَسَ فَوَضَعَ جِبْرِيلُ يَدَهُ عَلَى مَعْرَفَتِهِ ثُمَّ قَالَ أَلَا تَسْتَحْيِي يَا بُرَاقُ مِمَّا تَصْنَعُ فَوَاللَّهِ مَا رَكِبَكَ عَبْدٌ لِلَّهِ قَبْلَ مُحَمَّدٍ أَكْرَمَ عَلَيْهِ مِنْهُ قَالَ فَاسْتَحْيَا حَتَّى ارْفَضَ عَرَفًا ثُمَّ قَرَّ حَتَّى رَكِبْتَهُ".

Maksudnya: "...Diceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Ketika aku mendekati (Buraq) untuk menunggangnya, maka Jibril meletakkan tangannya ke atas Buraq yang dikenalnya, kemudian dia berkata: Tidakkah engkau (Buraq) berasa malu? Demi Allah, tidak akan pernah naik ke atas tubuhmu seorang makhluk yang lebih mulia di sisi Allah daripada baginda Nabi SAW. Maka dia (Buraq) berasa malu untuk ditunggangi Rasulullah SAW sehingga tubuhnya berpeluh, kemudian Buraq merendahkan tubuhnya untuk ditunggangi Rasulullah SAW..."

Takhrīj Hadis:

Hadis ini dikenalpasti terdapat dalam *Jāmi' al-Bayān Fi Ta'wīl al-Qur'ān*. Ia juga dikenalpasti terdapat dalam karya *al-Bidāyah al-Nihāyah* melalui riwayat Ibn Ishāq secara *mursal* (Ibn Kathīr, 1976). Ia turut diriwayatkan oleh (al-Bazzār, 1988) dalam *musnadnya* melalui jalur riwayat 'Alī bin Abī Ṭālib RA dan Anas bin Mālik RA. Begitu juga dalam karya (Ibn Ḥibbān, 1993) melalui jalur riwayat Ma'mar bin Qatādah daripada Anas bin Mālik RA dengan sanad yang sahih mengikut syarat Shaykhaḥayn. Hadis ini turut dikeluarkan oleh al-Tirmidhī (1975) dan Aḥmad (2001) dengan sanad yang sahih.

Status Hadis:

Riwayat daripada Ibn Ishaq menyebutkan hadis ini secara *mursal*, tanpa menyatakan terdapatnya riwayat daripada Anas bin Mālik RA (al-Haythamī, 1944). Majoriti ulama berpandangan bahawa Ibn Ishāq seorang yang dikenali dengan *mudallis*. Al-'Asqalānī (2006) menyatakan beliau seorang *sadūq*. Manakala al-Dhahabī (2006), pula menyatakan Ibn Ishāq antara perawi-perawi yang sering meriwayatkan hadis secara bersendirian (*munfarid*) serta hadis-hadis mengenai tentang sirah sangat baik. Walau bagaimanapun, hadis-hadisnya tentang hukum berada di akhir martabat hadis sahih kecuali hadis yang terdapat keganjilan. Justeru, ia dinilai sebagai hadis *munkar*. Oleh yang demikian, riwayat ini dikenalpasti terdapat dua kecacatan iaitu, *irsāl* dan juga *inqitā'*.

#### 4.3.2. Teks Hadis (2):

حَدَّثَنَا أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "...، ثُمَّ قَالَ: أَنْزَلَ فَصَلِّ فَصَلَّيْتُ، فَقَالَ: أَتَدْرِي أَيُّ صَلَّيْتُ؟ صَلَّيْتُ بِطُورِ سَيْنَاءَ حَيْثُ كَلَّمَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ مُوسَى عَلَيْهِ السَّلَامُ.

Maksudnya: "...Daripada Anās bin Mālik, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: ... kemudian Jibril AS berkata, "turun dan solat di sini", maka aku solat, maka berkata Jibril AS, "tahukah kamu di mana kamu solat? Kamu telah solat di Tur Sina di mana Nabi Musa AS berkata-kata dengan Allah Azza wa Jalla..."

Takhrij Hadis:

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Nasā'ī (1986) dalam *Kitāb al-Ṣalāh Bāb Fard al-Ṣolāh wa Dhikr Ikhtilāf al-Nāfilīn fi Isnād al-Ḥadīth*, nombor hadis: 447.

Status Hadis:

Dalam sanad hadis yang dikeluarkan oleh al-Nasā'ī ini terdapat perawi yang bernama Yazīd bin Abā Mālik. Al-'Asqalānī (2002) menyatakan Yazīd bin Abā Mālik seorang yang boleh dipercayai namun kadang-kadang riwayatnya diragui, serta *munfarid* (bersendirian dalam meriwayatkan hadis) dan seorang *mudallis* dalam meriwayatkan hadis. Al-Dhahabī (1963) menilai beliau sebagai daif. Manakala Ibn Kathīr (2000) menegaskan bahawa "...*Sesungguhnya hadis yang ada padanya terdapat riwayat gharīb dan amat ditolak...*" Manakala dalam riwayat daripada Abū Sa'īd al-Khudrī dengan lafaz: "*Pada malam aku di-Israkkan, aku melihat kaum yang bibirnya seperti bibir unta. Mulut mereka disuap batu besar secara paksa sehingga keluar batu itu melalui dubur. Melihat kejadian aneh itu, aku bertanya Jibril: "Siapakah mereka itu? Jibril menjawab: Mereka itu adalah orang yang memakan harta anak yatim secara zalim"*. Hadis ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarī (2000) yang dinilai sebagai hadis daif.

#### 4.3.3. Teks Hadis (3):

عَنِ السُّدِّيِّ: {إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَى ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا} قَالَ: «إِذَا قَامَ الرَّجُلُ يَأْكُلُ مَالَ الْيَتِيمِ ظُلْمًا، يُبْعَثُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَهُبُّ النَّارِ يُخْرَجُ مِنْ فِيهِ وَمِنْ مَسَامِعِهِ وَمِنْ أَدْنِيهِ وَأَنْفِهِ وَعَيْنَيْهِ، يَعْرِفُهُ مَنْ رَأَاهُ يَأْكُلُ مَالَ الْيَتِيمِ».

Maksudnya: "...Daripada al-Suddī: Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala. (Al-Nisā' [3] ayat 10). Dia berkata, "Orang yang memakan harta anak yatim secara zalim pada hari kiamat akan dikumpulkan dalam keadaan nyala api keluar dari mulutnya, telinganya, hidungnya, dan matanya. Semua orang yang melihatnya akan mengenalnya bahawa dia adalah pemakan harta anak yatim..."

Takhrij Hadis:

Hadis ini telah dikenalpasti dalam *Jāmi' al-Bayān Fī Ta'wīl al-Qur'ān* oleh al-Ṭabarī (2000) yang diriwayatkan oleh Abū Sa'īd al-Khudrī.

Status Hadis:

Hadis ini merupakan hadis *mursal* yang diriwayatkan melalui al-Suddī. Ibn Abī Ḥātim (1952) menyatakan bahawa riwayat al-Suddī tidak boleh diterima. Manakala al-Dhahabī (1963) mengemukakan al-Suddī adalah periwayat hadis-hadis daif. Al-'Asqalānī (2006) pula menyatakan bahawa beliau hanyalah seorang yang dinilai dengan *sadūq* dan bahkan dituduh sebagai pengikut Syiah. Al-Rāzī (1982) menukilkan kenyataan Abū Zur'ah menegaskan bahawa beliau adalah seorang yang daif dalam meriwayatkan hadis.

#### 4.3.4. Teks Hadis (4):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَيْتُ لَيْلَةَ أُسْرِي بِي عَلَى قَوْمٍ يُطَوِّعُهُمْ كَالْبَيْوتِ فِيهَا الْحَيَّاتُ تُرَى مِنْ خَارِجِ بُطُونِهِمْ فُقُلْتُ مَنْ هَؤُلَاءِ يَا جِبْرَائِيلُ؟ قَالَ هَؤُلَاءِ أَكَلَةُ الرِّبَا.

Maksudnya: "...Rasulullah ﷺ berkata, "Pada malam Israk Mikraj aku mendatangi suatu kaum, perut mereka seperti rumah-rumah yang dihuni oleh ular dan dapat dilihat dari luar perut-perut mereka. Aku pun bertanya, "Wahai Jibril, siapakah mereka itu?" ia menjawab, "Mereka adalah pemakan riba...."

Takhrij Hadis:

Hadis ini dikenal pasti terdapat dalam *Sunan Ibn Mājah* kitab melalui riwayat Hasan dan 'Affān al-Ma'nā dalam *Kitāb al-Tijārah Bāb al-Taghlīz fī al-Ribā* nombor hadis 2264 (Ibn Mājah, 1993). Manakala dalam *Musnad Aḥmad* dalam *Kitāb Bāqī Musnad al-Mukaththirīn* nombor hadis 8402 melalui riwayat 'Abd al-Ṣamad bin 'Abd al-Wārith (Aḥmad, 2001).

Status Hadis:

Dalam ketiga-tiga sanad periwayatan hadis ini, terdapat seorang perawi yang bernama 'Alī bin Zayd juga dikenali sebagai 'Alī bin Zayd Jad'ān. Menurut (al-'Asqalānī, 2006) Abū Zur'ah dan Abū Ḥatim menegaskan hadis daripadanya *laysa biquwā* yang bermaksud riwayat daripadanya tidak kuat. Imam al-Bukhārī pula menilai beliau sebagai *lā ahtaj* (hadisnya tidak boleh dibawa hujah). Al-Mizzī (1980) dalam karya *Tahzīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl* pula menukulkan beberapa pandangan ulama hadis, terhadap 'Alī bin Zayd Jad'ān, seperti Ibn Khuzaymah yang tidak menggunakannya sebagai hujah kerana beliau seorang perawi *sū' al-ḥifẓ* iaitu buruk hafalannya. Manakala daripada Al-Tirmidhī, (1975) pula menyatakan beliau hanya seorang yang *ṣadūq*. Pandangan Ibn 'Uyaynah juga menyatakan, hadisnya dikategorikan sebagai daif. 'Abd al-Bāqī, (2007) telah mengemukakan 'Alī bin Zayd Jad'ān merupakan seorang perawi yang daif, manakala al-Arna'ūt (2009) merumuskan bahawa sanad hadis ini adalah daif.

#### 4.3.5. Teks Hadis (5):

عَنْ عَلِيٍّ عَلَيْهِ السَّلَامُ قَالَ: "دَخَلْتُ أَنَا وَفَاطِمَةُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ فَوَجَدْتُهُ يَبْكِي بَكَاءً شَدِيدًا، فُقُلْتُ: فَدَاكَ أَبِي وَأُمِّي يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا الَّذِي أَبْكَاكَ؟! فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ: يَا عَلِيُّ، لَيْلَةَ أُسْرِي بِي إِلَى السَّمَاءِ... رَأَيْتُ امْرَأَةً مُعَلَّقَةً بِشَعْرِهَا يَغْلِي دِمَاحَ رَأْسِهَا،... فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ: يَا بُنَيَّ، أَمَا الْمُعَلَّقَةُ بِشَعْرِهَا، فَإِنَّمَا كَانَتْ لَا تَعْطِي شَعْرَهَا مِنَ الرِّجَالِ."

Maksudnya: "... 'Alī bin Abī Tālib berkata, "Aku dan Fāṭimah masuk ke rumah Rasulullah SAW dan aku dapati baginda menangis dengan tangisan yang kuat, maka aku berkata: Demi bapa dan ibuku wahai Rasulullah, apakah yang menyebabkan engkau menangis? Maka bersabda Rasulullah SAW: "Wahai 'Alī, pada malam aku diIsrakkan ke langit... Aku lihat ada perempuan digantung rambutnya, otaknya mendidih... Rasulullah SAW menjawab: "Wahai puteriku, adapun mereka yang tergantung rambutnya hingga otaknya mendidih adalah wanita yang tidak menutup rambutnya sehingga terlihat oleh lelaki yang bukan mahramnya...."

Takhrij Hadis:

Hadis ini direkod dalam *Uyūn Akhbār al-Riḍā* (Ṣadūq, 1984). Begitu juga, ia diriwayatkan oleh 'Abd al-Mālik bin Ḥabīb meriwayatkan dalam karya *Adāb al-Nisā'* daripada 'Ā'ishah RA (al-Ilbirī, 1992).

Status Hadis:

Al-Dhahabī (2000) menukulkan hadis ini dalam karyanya al-Kabā'ir tanpa menyatakan perawi dan sanadnya. Al-Qurtubī (1992) mengemukakan pandangan 'Abd al-Mālik bin Ḥabīb yang menyatakan bahawa hadis ini terlalu daif. Manakala Bin Bāz (2010) pula menegaskan hadis ini merupakan hadis palsu dan matannya bersifat *munkar*. Bagi status hadis yang riwayat oleh 'Abd al-Mālik bin Ḥabīb pula adalah *dhaif jiddan*.

#### 4.3.6. Teks Hadis (6):



عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَوْ غَيْرِهِ... ثُمَّ أَتَى عَلَى رَجُلٍ قَدْ جَمَعَ حُزْمَةَ حَطَبٍ عَظِيمَةً لَا يَسْتَطِيعُ حَمْلَهَا، وَهُوَ يَرِيدُ عَلَيْهَا، فَقَالَ: «مَا هَذَا يَا جِبْرَائِيلُ؟» قَالَ: هَذَا الرَّجُلُ مِنْ أُمَّتِكَ تَكُونُ عِنْدَهُ أَمَانَاتُ النَّاسِ لَا يَقْدِرُ عَلَى أَدَائِهَا، وَهُوَ يَرِيدُ عَلَيْهَا، وَيُرِيدُ أَنْ يَحْمِلَهَا، فَلَا يَسْتَطِيعُ ذَلِكَ.

Maksudnya: "...Daripada Abū Hurayrah RA atau selainnya, ... kemudian datang kepadanya seorang lelaki yang menghimpunkan bongkah kayu yang besar yang tidak mampu untuk dia mengangkutnya, bahkan dia menambahkan lagi bongkah kayu tersebut kemudian baginda SAW bertanya: Apakah ini wahai Jibril? Jibril menjawab inilah lelaki dari umat kamu yang diamanahkan oleh orang lain, tetapi tidak mampu menunaikannya. Dan dia menambahkan amanahnya yang membebankannya sedangkan dia tidak mampu..."

Takhrij Hadis:

Hadis ini terdapat dalam karya *Jāmi' al-Bayān Fī Ta'wīl al-Qur'ān* oleh al-Ṭabarī (2000).

Status Hadis:

Ibn Kathīr (2000) menegaskan bahawa hadis ini sebagai *gharīb jiddan* (hadis yang amat ganjil) dan diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja, dalam sanad ini terdapat Abū Ja'far al-Rāzī, ramai ulama yang telah menilai hadis yang diriwayatkan daripada beliau adalah daif. kerana buruk hafalannya apabila dia bersendirian dalam meriwayatkan hadis. Pada hadis ini terdapat lafaz yang ganjil dan *munkar shadīd*. Manakala al-'Asqalānī, (2006) pula menegaskan, sebahagian ulama' menyatakan beliau seorang *sadūq* (dipercayai), tetapi buruk hafalannya (*sū' al-hifẓ*). Al-Mizzī (1980) pula mengemukakan bahawa Abū Ja'far al-Rāzī adalah orang suruhan Bani Tamim. Manakala 'Abd Allah bin Aḥmad Ḥanbal menyatakan bahawa hadisnya tidak kuat. Menurut al-'Ijlī (1985) hadis Abū Ja'far al-Rāzī *laysa biquwā* (tidak kuat) jalan periwayatannya terdapat kekurangan dan tidak memenuhi syarat sahih.

#### 4.3.7. Teks Hadis (7):

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ... فَبَيْنَمَا أَنَا أَسِيرُ إِذَا أَنَا بِأَمْرَأَةٍ حَاسِرَةٍ عَنْ ذِرَاعَيْهَا عَلَيْهَا مِنْ كُلِّ زَيْنَةٍ خَلَقَهَا اللَّهُ تَعُولُ: يَا مُحَمَّدُ أَنْظِرْنِي أَسْأَلُكَ فَلَمْ أُجِبْهَا وَلَمْ أَقُمْ عَلَيْهَا قَالَ تِلْكَ الدُّنْيَا أَمَا إِنَّكَ لَوْ أَجَبْتَهَا لَاحْتَارَتْ أُمَّتُكَ الدُّنْيَا عَلَى الْآخِرَةِ.

Maksudnya: "Daripada Nabi SAW bersabda: Ketika mana aku berjalan tiba-tiba aku bertemu dengan seorang perempuan yang menyinsingkan kedua-dua lengan bajunya. Dia memakai segala perhiasan keindahan yang memang diciptakan oleh Allah SWT untuknya. Lantas perempuan itu berseru kepadaku: Wahai Muhammad! Tunggulah aku. Aku tidak memperdulikannya. Kata Jibril: Itulah dunia. Jika engkau memberi perhatian kepadanya, nescaya umat Islam akan mengutamakan dunia daripada akhirat..."

Takhrij Hadis:

Hadis ini terdapat dalam karya *Dalā'il al-Nubuwwah* dalam *Bāb al-Dalīl 'Alā Anna al-Nabīy Ṣalla Allāh 'Alayha wa Sallam 'Araja bihi* oleh al-Bayhaqī (1988) dengan nombor hadis 677.

Status Hadis:

Menurut al-Qal'ajī (2007) dalam sanad ini terdapat perawi yang bernama Abū Harūn bin al-'Abdi yang mendapat kritikan oleh para ulama hadis antaranya, Shu'bah yang telah menilainya sebagai daif. Al-Mizzī (1980) menukilkan daripada al-Bukhārī, Yahyā al-Qattān tidak meriwayatkan hadis daripada beliau, begitu juga Aḥmad menilaikan beliau sebagai *laysa bi shay'in*. Manakala Ibn Ma'in menyatakan, adalah di sisi mereka tidak benar hadis daripadanya. Abū Zur'ah menilai hadis daripada beliau sebagai daif. Imam Al-Nasā'ī dan al-Ḥākim menegaskan bahawa beliau seorang yang *matrūk*. Al-'Uqaylī (1984) pula telah menyebutkan daripada Ibn Ḥibbān yang menyatakan beliau seorang *rāfidah* yang meriwayatkan daripada Abū Sa'īd yang bukan daripada hadisnya.

#### 4.3.8. Teks Hadis (8):

«يَا رَبِّ إِنِّي أجدُ فِي الْأَلْوَحِ أُمَّةٌ هُمْ الْمُسْتَجِيبُونَ الْمُسْتَجَابَ لَهُمْ فَاجْعَلْهُمْ أُمَّةً» , قَالَ: «تِلْكَ أُمَّةٌ أَحْمَدُ» , قَالَ: «رَبِّ إِنِّي أجدُ فِي الْأَلْوَحِ أُمَّةٌ هُمْ الْمُسِيخُ الدَّجَالُ فَاجْعَلْهُمْ أُمَّةً» , قَالَ: «تِلْكَ أُمَّةٌ أَحْمَدُ» , قَالَ: «فَأَلْفَى مُوسَى الْأَلْوَحَ» , قَالَ: «يَا رَبِّي اجْعَلْنِي مِنْهُمْ» , قَالَ: «إِنَّكَ لَنْ تُدْرِكَهُمْ» , قَالَ اللَّهُ: { يَا مُوسَى إِنِّي اصْطَفَيْتُكَ عَلَى النَّاسِ بِرِسَالَاتِي وَبِكَلَامِي فَخُذْ مَا آتَيْتُكَ وَكُنْ مِنَ الشَّاكِرِينَ } , قَالَ: «فَرَضِي نَبِيُّ اللَّهِ» وَزَيْدٌ { وَمَنْ قَوْمٌ مُوسَى أُمَّةٌ يَهْدُونَ بِالْحَقِّ وَبِهِ يَعْدِلُونَ }

Maksudnya: "Ya Tuhan, sesungguhnya aku dapati di dalam al-Alwah itu disebutkan suatu umat yang dapat memberikan syafa'at sekaligus menerima syafa'at. Ya Tuhanku, jadikanlah mereka itu sebagai umatku". Allah SWT menjawab: "Itu adalah untuk umat Ahmad (Nabi Muhammad SAW)." Dia (Nabi Musa AS) berkata: "Wahai Tuhan, sesungguhnya aku dapati di dalam al-Alwah itu disebutkan suatu umat yang diperkenankan doa mereka dan memperkenankan doa mereka maka jadikanlah mereka itu sebagai umatku". Allah SWT menjawab: "Itu adalah untuk umat Ahmad (Nabi Muhammad SAW)." Dia (Nabi Musa AS) berkata: "Ya Tuhan, sesungguhnya aku dapati di dalam al-Alwah itu disebutkan suatu umat yang memerangi ahli dhalalah (sesat) sehingga mereka memerangi al-Masih al-Dajjal maka jadikanlah mereka itu sebagai umatku". Allah SWT menjawab: "Itu adalah untuk umat Ahmad (Nabi Muhammad SAW)." Dia (Qatadah RA) berkata: (setelah mendengar semua itu) Nabi Musa AS melemparkan lauh-lauh yang dipegangnya sambil berkata: "Ya Tuhanku, jadikanlah aku salah seorang umat Muhammad SAW". Allah SWT menjawab: "Kamu tidak akan dapat mengatasi mereka." Allah SWT berfirman: (Allah berfirman: {"Wahai Musa! Sesungguhnya Aku memilihmu melebihi umat manusia (yang ada pada zamanmu), dengan membawa perutusanKu (Kitab Taurat) dan dengan KalamKu; oleh itu, terimalah apa yang Aku kurniakan kepadamu, dan jadikanlah dirimu dari orang-orang yang bersyukur".} (Al-A'raaf: 144), Dia berkata: "Maka Nabi Musa AS redha dengan ketentuan Allah SWT." Dan dia menambah {Dan di antara kaum Nabi Musa, ada satu golongan yang memberi petunjuk (kepada orang ramai) dengan perkara-perkara yang hak, dan dengannya mereka menjalankan keadilan.} (Al-A'raf: 159).

Takhrij Hadis:

Hadis ini tidak ditemui dalam sumber hadis yang muktabar. Ia kenal pasti terdapat dalam beberapa karya tafsir seperti *Tafsir al-Şan'ānī* (al-Şan'ānī, 1999), *Tafsir al-Qur'ān al-Aẓīm* (Ibn Abī Ḥātim, 1998) dan *Jāmi' al-Bayān Fī Ta'wīl al-Qur'ān* oleh (al-Ṭabarī, 2000).

Status Hadis:

Ibn Abū Ḥātim (1998) menyatakan hadis ini sebagai hadis *matruk* iaitu hadis yang perlu ditinggalkan dan tidak boleh digunakan. Manakala al-Albānī (1993), menyatakan bahawa hadis ini sanad yang diriwayatkan oleh beliau ini adalah *dhaif jiddan*.

#### 4.3.9. Teks Hadis (9):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: سَأَلْتُ جِبْرِيلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، هَلْ تَرَى رَبَّكَ؟ قَالَ: إِنَّ بَيْتِي وَبَيْتَهُ سَبْعِينَ حِجَابًا مِنْ نُورٍ، لَوْ رَأَيْتُ أَذْنَاهَا لَأَخْتَرْتُهَا.

Maksudnya: Daripada Anas bin Mālik, daripada Nabi SAW bersabda: "Aku bertanya kepada Jibril A.S, adakah engkau melihat Tuhanmu?" Dia menjawab, "Sesungguhnya antara aku dan Dia terhalang dengan 70 hijab (tabir) daripada cahaya, seandainya aku melihat sedikit sekalipun aku akan terbakar."

Takhrij Hadis:

Hadis ini diriwayatkan oleh (al- Ṭabarānī, 2002) dalam *al-Mu'jam al-Awsaṭ, Bāb Man Ismuhu Muḥammad*, nombor hadis: 6407.

#### Status Hukum:

Dalam sanad hadis ini terhadap seorang perawi yang bernama Abū Muslim, beliau merupakan ‘Ubayd Allāh bin Sā’id bin Muslim al-Ja’fī al-Kūfī (Al-Mizzī, 1980). Imam Abū Dāud pula telah menilai hadis ini palsu, kerana terdapat perawi yang bernama Abū Muslim (al-Ṣuyūfī, 1996). Manakala Ibn Ḥibbān (1973) menyatakan Abū Muslim terdapat kesalahan dalam riwayatnya. Al-Ṭabarānī (2002) menyatakan hadis ini tidak diriwayatkan daripada al-A’maṣh melainkan hanya daripada Abū Muslim. Al-Dhahabī (2006) menyatakan hadis ini merupakan hadis *munkar*. Abū Muslim dalam riwayat ini *laysa mu’tamad* iaitu tidak boleh berpegang pada hadis yang diriwayatkannya. Bahkan al-Haythamī (1994) menukulkan pandangan Abū Dāud telah menilai bahawa hadis ini palsu.

**Jadual 3:** Status kedudukan hadis *mardud* yang digunakan dalam sesi ceramah Israk dan Mikraj

| Kategori Hadis <i>Mardūd</i>                | Bilangan | Peratusan |
|---|----------|-----------|
| <i>Daif kerana kritikan terhadap perawi</i> | 5        | 66%       |
| <i>Daif kerana gugurnya perawi</i>          | 2        | 22%       |
| <i>Mawdū’ (Palsu)</i>                       | 2        | 22%       |
| Jumlah                                      | 9        | 100%      |

Berdasarkan Jadual 3 di atas, dapat dirumuskan bahawa, terdapat tiga kategori umum kedudukan hadis *mardūd* dalam kajian ini. Kategori daif kerana mendapat kritikan terhadap perawi merupakan peratusan paling tinggi berbanding daif kerana gugurnya perawi dan juga mawdhu’. Kedua-dua hanya terdapat dua hadis telah digunakan.

#### 5. Kesimpulan

Kajian hadis-hadis *mardūd* yang digunakan dalam ceramah Israk dan Mikraj dapat dirumuskan dengan beberapa perkara, iaitu;

Terdapat 8 plot kisah dalam Israk dan Mikraj menjadi tumpuan bagi sesi ceramah yang telah dijalankan. Kesemua kisah yang dikemukakan adalah tertumpu perjalanan semasa peristiwa tersebut. Kisah nabi SAW di langit pertama hingga langit yang ketujuh lebih banyak diberi tumpuan. Ia diikuti dengan peristiwa baginda SAW menyaksikan perjalanan Israk dan Mikraj, peristiwa di *Sidrah al-Muntahā*. Manakala kisah-kisah seperti pertemuan dengan malaikat Jibril AS, rupa dan bentuk Buraq, peristiwa Baginda SAW di masjid al-Aqsa dan peristiwa penyariatian solat kisah nabi SAW melihat Arasy tidak menjadi keutamaan.

Sebanyak (31) hadis dapat dianalisis, (14) hadis digunakan dalam ceramah Israk dan Mikraj merupakan hadis yang bertaraf *maqbul* yang merangkumi hadis-hadis yang bertaraf *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan*. Daripada jumlah keseluruhan iaitu (9) hadis *mardūd*, merangkumi hadis daif dan palsu. Manakala hadis yang tiada asal iaitu tiada sumber, terdapat (6) hadis masih digunakan dalam sesi ceramah Israk dan Mikraj.

Berdasarkan kajian ini, dapat dirumuskan sebanyak (9) hadis telah dikenalpasti dinilai *mardūd*. Ia tidak menepati kriteria hadis *maqbul* yang merangkumi hadis-hadis dalam kategori daif yang mendapat kritikan perawi, daif kerana sanad yang terputus dan juga hadis *mawdū’*.

Walau bagaimanapun penggunaan hadis yang *maqbul* seperti sahih dan hasan masih mendominasi penggunaannya dalam sesi ceramah Israk dan Mikraj dinegeri Melaka. Bagi hadis-hadis yang dinilai *mardūd*, beberapa kaedah penilaian hadis daif yang boleh menaik taraf kepada hadis yang *maqbul* adalah wajar dinilai. Pun begitu, penggunaan sumber-sumber hadis yang muktabar dalam sesi ceramah yang disampaikan seharusnya menjadi keutamaan sebagai medium dakwah, bagi memelihara syariat agama Islam di dalam negara.

#### Rujukan

- Ābādī, A.L. (2001). *‘Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluha wa Mu’āṣiruhā*. Bangi, Malaysia: Dar al-Shakir.
- Abdullah, I. (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur, KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abū Ghuddah, A.F. (1984). *Lumaḥāt Min Tārikh al-Sunnah wa ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Maktabah al-Maṭbū’ah al-Islāmīya.



- Adam, R. (1991). *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, A.M. (2001). *Musnad al-Imām Ahmad Ibn Hanbal*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Amin, M. F. (2011). *Dirasat 'An Khatr al-Ahadith al-Mawdu'ah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- al-Albānī, M.N. (1993). *Zilāl al-Jannah*, Beirut: Maktabah al-Islāmīy.
- al-Arna'ūt, S.M. (2009). *Tahqīq Sunan Ibn Mājah*. Mesir: Dār al-Risāla al-Ālamīya.
- al-'Asqalānī, A.A. (2002). *Taqrīb al-Tahzīb*, Riyadh: Dār al-'Ašimah.
- al-'Asqalānī, A.A. (2006). *Tahzīb al-Tahzīb*, India: Maṭba'ah al-Ma'ārif al-Nizāmīya.
- al-'Ijlī, A.A. (1985). *Ma'rifah al-Thiqqah min al-Rijāl Ahl 'Ilm wa al-Ḥadīth wa min al-Ḍu'afā' wa Dhikr Madhāhibim wa Akhbārihim*. Madinah al-Munawwarah, KSA: Maktabah al-Dār.
- al-Bayhaqī, A. H. (1988). *Dala'il al-Nubuwwah*. Tahqiq: Abdul M.Q. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiya.
- al-Bazzār, A. B. (1988). *Musnad al-Bazzār*. Madinah, KSA: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥikam.
- al-Bukhārī, M.I. (2001). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ṭūq al-Najāh.
- al-Dhahabī, S.A. (1963). *Mizān Al-I'tidāl Fī Naqd Al-Rijāl*. Beirut: Dār al-Ma'rifah Li al-Ṭabā'ah Wa al-Nashr.
- al-Dhahabī, S.A. (2000). *Al-Kabā'ir*. Beirut: Dar al-Nubuwwa al-Jadida.
- al-Dhahabī, S. A. (2006). *Siyār al-A'lām al-Nubalā'*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- al-Haythamī, A.H. (1994). *Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*. Keherah, Mesir: Maktabah al-Qudsī.
- al-Ilbirī, A.M. (1992). *Adāb al-Nisā' al-Mawsūm bi Kitāb al-'Ināyah wa al-Nihāyah*. Tahqiq: Takrī. A.M. Beirut: Dār al-'Arab al-Islāmī.
- al-Mizzī, Y.A. (1980). *Tahzīb al-Kamāl Fī Asmā' al-Rijāl*. Tahqiq: Bashar. A. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- al-Nasā'ī, A.A. (1986). *Al-Mujtabā Min al-Sunan al-Ṣuḥrā' Li al-Nasā'ī*. Halab: Maktab al-Maṭbū'at al-Islāmīya.
- al-Qal'ajī, A.M. (2007). *Tahqīq Dalā'il al-Nubuwwa li al-Bayhaqī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyā.
- al-Qurṭubī, A.A. (1992). *Al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyā.
- al-Rāzī, A.Z. (1982). *Abu Zur'ah 1982 wa Juhuduhu fī al-Sunnah al-Nabawīyah Ma'a Tahqīq al-Du'afa'*. Mesir: Maktabah al-Iskandariyah.
- al-Ṣan'ānī, A.R. (1999). *Tafsīr 'Abd Al-Razzāq al-Ṣan'ānī*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyā.
- al-Ṣuyūṭī, A.R. (1996). *Al-Lalāli' al-Mawḍū'ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyā.
- al-Ṭabarānī, S.A. (2002). *Al-Mu'jam al-Awsaṭ*. Kaherah: Dar al-Haramayn.
- al-Ṭabarī, M.J. (2000). *Jāmi' al-Bayān Fī Ta'wīl al-Qur'ān*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- al-Tirmīdhī, M.I. (1975). *Sunan al-Tirmīdhī*, Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭbū'ah Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī.
- al-'Uqaylī, A.J. (1984). *Al-Ḍu'afā' al-Kabīr*. Beirut: Dār al-Maktabah.
- Gordon, F.F. (1974). *Geography as Social Science*. New York: Harper & Row.
- Ibn Abī Ḥātim, A.R.M. (1952). *Al-Jarh wa al-Ta'dīl*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth.
- Ibn Abī Ḥātim, A.R.M. (1998). *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*. KSA: Maktabah Nizār Muṣṭafā bin Bāz.
- Ibn Ḥibbān, A.H. (1973). *Al-Thiqqāt li Ibn Ḥibbān*. t.tp.: Dā'irah al-Ma'ārif al-'Uthmānīya.
- Ibn Ḥibbān, A. H. (1993). *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Bilbān*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Ibn Kathīr, A. F. (1976). *Al-Sīrah Al-Nabawīyah (Min al-Bidāyah wa al-Nihāyah Li Ibn Kathīr)*. Beirut: Dār al-Ma'rifah Li al-Ṭibā'ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzī'.
- Ibn Kathīr, A. F. (2000). *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyā.
- Ibn Mājah, A.A. (1993). *Sunan Ibn Mājah*. Tahqiq: Muḥammad Fu'ād A.B. Mesir: Dār Iḥyā al-Kutub al-'Arabiyā.
- Idid, S.A. (1992) Specifying a Target Population: The Case of the Malaysian Public Relations Practitioners. *Malaysian Journal of Communication*, 8. 131-140. <https://ejournal.ukm.my/article/view/21888/6765>
- Idris, N.I. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Konting, M.M. (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur, KL: Dewan Bahasa Pustaka.
- Mohd, F.A. (2015). *Analisa hadith Isra' Mikraj riwayat Anas Bin Malik R.a di dalam Sahih Bukhari*. Dungun, Terengganu: Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.
- Mohd, R.M. (2008). *Madrasah System in Malaysia: Its Contribution and Challenges. International Conference on Islamic Area Studies*. National Institute of Humanities, Japan & Asia Europe Institute, Malaysia, 22-24 November 2008.
- Mohd, S.A. (1991). *Metodologi penyelidikan: untuk ekonomi dan bidang-bidang berkaitan Universiti Kebangsaan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad, F. & Soroni M.K. (2016). Kaedah pengajaran tenaga pengajar hadis di masjid-masjid negeri Selangor. *E-Proceeding of the 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2016*. Bandar Sri Putera: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Muhammad, N.M. (2020). *Analisis hadis-hadis dalam ceramah Irak dan Mikraj di Institusi Masjid Negeri Melaka*. Thesis ijazah Sarjana Usuluddin. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.



Published biannually by:  
**HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),**  
**Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Email: [jurnalhadis@kuis.edu.my](mailto:jurnalhadis@kuis.edu.my)  
Web: [www.journal.kuis.edu.my/hadis/](http://www.journal.kuis.edu.my/hadis/)  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279  
**Vol. 12, No. 23 (JUNE 2022)**

- Muslim, H.A. (2000). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth.
- Norani, M.N., & Abdullah, W.H. (2020). Analisis Aktiviti Pengajian Keagamaan di Institusi Masjid-masjid Negeri Melaka [Analysis of Religious Studies Activities in institutions Mosques of Malacca]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 119-129. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/114>.
- Ṣadūq, S. (1984). *Uyūn Akhbār Al-Riḍā*, Beirut: Mu'assasah al-'Alamī li al-Maṭbū'āt.
- Shamsudin, R., & Mat Akhir, N.S. (2018). Hadis Daif: Analisis Terhadap Amalan-Amalan Kerohanian Terpilih Masyarakat Melayu: Hadith Daif: An Analysis of The Selected Spiritual Practices of Malay Community. *HADIS*, 8(16), 22-39. <https://doi.org/10.53840/hadis.v8i16.2>.
- Yayasan Dakwah Islam Malaysia. (2018). *Ustaz Selebriti Jangan Sebar Hadis Palsu*. Diambil daripada <https://www.yadim.com.my/v2/ustaz-selebriti-jangan-sebar-hadis-palsu/>.